


Tarbiyah Pendidik dalam Madrasah Ramadhan



MINDA PENDIDIK

MUHAMAD SUHAIMI TAAT
Bersama, Mohd Yusof Abdullah,
Baharom Mohamad, Roslee Talip,
Abdul Said Ambotang dan Shukri Zain

Ahlan Wa Sahlan Ya Ramadhan' (selamat datang wاهی Ramadhan). Ramadhan datang lagi sepetimana tahun-tahun terdahulu. Justeru rasanya belum lagi terlambat bagi penulis untuk mengucapkan Selamat Berpuasa kepada semua pendidik muslim di seluruh negara.

Ramadan adalah bulan yang paling mulia di dalam Islam dan di dalamnya terkandung pelbagai pengajaran dan ganjaran bagi mereka yang menyempurnakan ibadah puasa sepetimana yang dikehendaki oleh syariat Islam. Namun, bukanlah hasrat penulis ingin membahaskan berkaitan ibadah puasa kerana ini bukanlah ruangan yang paling tepat untuk membicarakannya, tetapi penulis lebih terpanggil untuk berkongsi akan beberapa ciri orang berpuasa yang seharusnya ciri-ciri tersebut dimiliki juga oleh seorang pendidik mithali atau sejati.

Ciri pertama dan paling utama seorang yang berpuasa adalah keupayaan untuk mengawal dan menahan nafsu yang negatif. Bagi orang yang berpuasa khususnya adalah menahan diri (nafsu) daripada makan dan minum atau perkara-perkara yang membatalkan puasa.

Sehubungan dengan itu sebagai seorang pendidik sejati, seharusnya mampu menahan

nafsu amarahnya daripada melakukan sebarang perbuatan negatif terhadap anak didiknya atau rakan sejawatnya. Nafsu yang dikategorikan sebagai nafsu 'ammarah bis-suk' ini sentiasa menggoda, mengajak dan memandu umat manusia ke arah keburukan dan kadangkala boleh menjatuhkan martabat manusia lebih rendah daripada haiwan.

Sebagai contoh, seorang guru yang gagal mengawal hawa nafsu amarahnya adalah dengan mudah memarahi malah memaki-hamun para pelajarnya dengan menggunakan bahasa kesat dan menjatuhkan hukuman keras tanpa sebarang usul periksa.

Harus diingat bahawa guru sepatutnya memiliki budi pekerti mulia serta berbudi bahasa sewajarnya apabila berinteraksi dengan pelajar. Pelajar akan menghormati guru yang sentiasa melafazkan kata-kata secara berhikmah walaupun ketika marah.

Bukanlah bermakna guru tidak boleh memarahi ataupun menghukum para pelajarnya, namun biarlah kemarahan yang diluahkan dan hukuman yang diberikan adalah sesuai pada tempatnya dan adil ke atas pelajar.

Guru juga hendaklah mampu untuk berkerjasama dengan rakan sejawat demi kebaikan pelajar dan sekolah serta saling bantu membantu demi kebaikan bersama, dan bukannya menjadi guru yang mementingkan diri sendiri dan hanya mementingkan kepentingan serta cita-cita peribadi. Guru-guru mulia inilah yang memiliki ciri-ciri nafsu 'mutmainnah' iaitu jiwa dan hati

yang ikhlas serta tenang.

Ciri kedua adalah bersifat sabar. Seorang yang berpuasa seharusnya sabar menghadapi pelbagai dugaan dan cabaran sepanjang menjalani ibadah puasa. Maka, seorang pendidik

kepada positif ataupun kepada yang lebih positif. Ini adalah kerana konsep asas pembelajaran adalah menjurus kepada perubahan tingkah laku pelajar. Kita sedia maklum bahawa tingkah laku adalah sesuatu yang

"Harus diingat bahawa guru sepatutnya memiliki budi pekerti mulia serta berbudi bahasa sewajarnya apabila berinteraksi dengan pelajar. Pelajar akan menghormati guru yang sentiasa melafazkan kata-kata secara berhikmah walaupun ketika marah."

mithali seharusnya memiliki sifat kesabaran yang tinggi di dalam dirinya. Hadis Rasulullah SAW bermaksud "Sabar itu sebahagian daripada iman".

Justeru kesabaran guru adalah amat ditagih khususnya apabila menghadapi pelbagai rintangan dan cabaran memberikan didikan dan pelajaran kepada anak didiknya. Umum mengetahui bahawa melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran yang cekap dan berkesan bukanlah satu perkara yang mudah.

Oleh yang demikian, guru hendaklah bersabar dan tidak mudah putus asa dalam proses menyampaikan ilmu pengetahuan atau kemahiran kepada pelajarnya. Guru yang hebat bukanlah hanya guru yang berupaya melahirkan pelajar dengan keputusan cemerlang dalam peperiksaan. Namun guru yang hebat juga adalah guru yang berupaya melakukan proses transformasi para pelajarnya khususnya daripada aspek sahsiah iaitu daripada negatif

sukar untuk diubah.

Ciri ketiga adalah istiqomah yakni konsisten dalam setiap perbuatan dan amalan yang dilakukan. Seorang yang berpuasa sepatutnya melakukan segala amalan yang dituntut untuk dilaksanakan secara konsisten seperti menuanakan solat sunat tarawih setiap malam, melaksanakan tadarus al-Quran dan sebagainya.

Begitulah juga sebagai seorang guru yang berkesan, sepatutnya melaksanakan segala tanggungjawab dan amanah yang telah diberikan dengan penuh berdedikasi serta konsisten tanpa dipengaruhi oleh keadaan sosioemosi kendiri atau faktor persekitaran. Beberapa kajian mendapat bahawa terdapat sebilangan guru yang menurun tahap komitmen kerjanya apabila semakin lama berada dalam profesion keguruan. Terdapat juga sebahagian guru-guru senior (otai) merasakan apabila usia telah semakin lanjut, tugas-tugas mereka harus dikurangkan dan

diberikan kepada guru-guru baharu. Sebaik-baiknya guru-guru senior ini memberikan contoh tauladan dan bimbingan yang baik serta berguna kepada guru-guru novis agar budaya bantu membantu dan hormat menghormati dapat disemai dalam kelompok persekitaran yang sihat dan memberangsangkan. Segelintir guru juga didapati hilang fokus dan tumpuan pengajarannya apabila mula berjinak-jinak dengan bidang perniagaan yang dijalankan di dalam atau di luar sekolah. Bukanlah menjadi satu kesalahan untuk menambah pendapatan dengan menjalankan pelbagai bentuk aktiviti perniagaan namun tumpuan utama harus diberikan kepada profesion keguruan yang telah diikrarkan dan disemai dalam hati sanubari sejak daripada mula mencuba bidang ini.

Begitulah antara ciri-ciri positif yang boleh dikongsikan oleh penulis dalam ruangan terhad ini. Profesion keguruan itu sendiri menuntut ahli-ahlinya agar memiliki, menyemai dan menyuburkan pelbagai ciri dan nilai murni agar sebatи dalam jiwa dan darah daging insan yang berstatus pendidik. Semoga tarbiyah madrasah Ramadan ini akan menjadikan kita semua insan yang lebih baik daripada sebelumnya yang akhirnya mencapai objektif dan matlamat puasa itu sendiri iaitu melahirkan seorang insan yang bertaqwa kepada Allah SWT.

* Penulis adalah Pensyarah Kanan di Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah.